

# Akta baharu lindungi hak-hak asasi OKU

KOSMO 14/08/2015 M15 11

**S**EPULUH tahun lalu, penulis pernah membongkar tindakan warga asing menyalahgunakan sebuah tandas Orang Kelainan Upaya (OKU) di terminal bas di Cyberjaya sebagai tempat tinggal sementara.

Sewaktu siasatan dilakukan, penulis dan rakan jurugambar mendapati tandas itu dikunci dari dalam dan berisi sejumlah perkakasan termasuk tilam serta tong gas.

Gambar dirakam pula enunjukan ada wanita warga asing yang merupakan pekerja pembersejukan di situ sedang tidur di dalam tandas berkenaan pada waktu tengah hari.

Itu sebahagian daripada kes salah guna kemudahan OKU di Malaysia. Perbuatan mencabul kemudahan khas bagi golongan OKU masih berleluasa sehingga kini.

Sebagai contoh, tandas dan lot tempat letak kenderaan OKU acap kali digunakan segelintir individu yang bukan berstatus OKU.

Jika ditegur, mereka tidak menghiraukan nasihat diberi atau membalas secara agresif dengan menunjukkan 'kekuatan badan'. Tidak kurang juga yang memberi alasan: "Ala sekejap je."

Secara amnya, aspek pe-



Di Sebalik Isu Panas

Bersama SHAWKATH AZDE

Kurang Upaya 2008 (Akta OKU 2008) yang disifatkan sebagai satu dokumen rasmi tetapi tiada kuasa penguatkuasaan.

**Bekas Ahli Majlis Kebangsaan bagi OKU, Dr. Naziaty Mohd. Yacob** dipetik sebagai

Masih ramai OKU sukar untuk keluar rumah kerana kemudahan infrastruktur yang lemah dan kurang mesra terhadap golongan itu

berkata, Akta OKU 2008 yang diperkenalkan untuk mempromosikan hak golongan OKU gagal dan tidak berkesan dalam melindungi hak-hak mereka.

"Golongan OKU terus berdepan halangan dan diskriminasi dalam kehidupan seharian. Kami terus dinafikan banyak hak asasi dan terpinggir dalam masyarakat," katanya menurut laporan akhbar tempatan.

Seorang **pensyarah universiti tempatan dan pejuang tegar hak-hak OKU, Dr. Aizan Sofia Amin** turut menyokong pengenalan akta baharu itu.

Beliau yang juga merupakan Penyelaras Program Pembangunan Wanita dan OKU bagi Malaysian Humanitarian Movement menekankan bahawa kerajaan perlu lebih serius untuk memenuhi hak dan keperluan OKU di se-

mua peringat.

"Masih ramai OKU sukar untuk keluar rumah kerana kemudahan infrastruktur yang lemah dan kurang mesra OKU.

"Jika ada kemudahan OKU, ia kerap disalahgunakan oleh orang lain atau tidak diselenggara dengan baik hingga tidak boleh digunakan, membahayakan OKU atau kemudahan yang tidak patuh standard sewajarnya," kata jurulatih Disability Equality Training (DET) itu.

Beliau turut mencadangkan agar silibus mengenai isu kurang upaya atau pendedahan mengenainya diperkenalkan di sekolah-sekolah sebagai usaha menanam kefahaman masyarakat tentang hak dan keperluan OKU.

**Presiden Pertubuhan Pembangunan Penduduk Malaysia, Prof. Dr. Fatimah Daud** mengakui banyak kemudahan OKU disalahgunakan manakala masyarakat pula kurang prihatin terhadap nasib mereka.

Beliau menyifatkan Malaysia masih jauh ketinggalan dalam pelbagai aspek membabitkan penjagaan hak OKU jika dibandingkan dengan negara Barat termasuk kekurangan kemudahan untuk OKU di lokasi awam dan persendirian seperti rel tangan, akses tanjak dan lif.

Malaysia bakal mencapai status negara maju tidak lama lagi tetapi kita masih dibelenggu isu memalukan. Sampai bila kita mahu terus membuli OKU?

nguatkuasaan salah guna kemudahan OKU terletak di bawah kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

Penulis percaya tidak terdapat satu agensi atau akta khas untuk melindungi penyalahgunaan kemudahan OKU. Ini punca masalah memalukan itu tetap berleluasa.

Awal bulan Julai lalu, sejumlah pertubuhan OKU telah bersatu dan membentuk Harapan OKU untuk cuba mengutarakan suara-suara mereka agar didengari kerajaan semasa.

Himpunan yang disertai 100 individu OKU diadakan di Petaling Jaya, Selangor menggesa kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Rangkuman Ketidakupayaan dan mewujudkan Akta Diskriminasi Ketidakupayaan.

Akta baharu itu bertujuan menggantikan Akta Orang